

Dr M panggil polis beri taklimat selepas 5 hari angkat sumpah PM

Bekas PM minta lengkapkan bukti daripada pelbagai bidang kuasa

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Putrajaya: Mahkamah Tinggi semalam, diberitahu bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad memanggil polis untuk memberikan taklimat mengenai siasatan skandal kewangan syarikat pelaburan strategik negara,

Malaysia Development Berhad (1MDB).

Bekas Pegawai Penyiasat 1MDB, R Rajagopal berkata, beliau dipanggil memberikan taklimat itu lima hari selepas Dr Mahathir mengangkat sumpah sebagai perdana menteri iaitu pada 10 Mei 2018.

Bekas Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman itu berkata, beliau diarahkan memberikan taklimat melalui PowerPoint kepada Dr Mahathir di Yayasan Kepimpinan Perdana mengenai status dan peringkat siasatan 1MDB.

Rajagopal berkata, beliau pergi bersama bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun

dan bekas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, Datuk Seri Amar Singh Ishar Singh pada 15 Mei 2018.

Lengkapkan siasatan

“Saya memberikan taklimat kepada beliau (Dr Mahathir) mengenai siasatan dan menyatakan ini yang kami lakukan di Malaysia dan beliau hanya meminta kami untuk melengkapkan bukti daripada pelbagai bidang kuasa asing bagi melengkapkan siasatan.

“Ketika taklimat itu, saya menyetengahkan aduan daripada Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) mengenai penyelewengan dana 1MDB dan menunjukkan hasil daripada dana

berakhir antaranya ke dalam akaun Datuk Seri Najib Razak,” katanya.

Rajagopal selaku saksi pembealaan ke-11 berkata demikian ketika menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib pada sesi soal balas.

Ketika disoal semula oleh peguam bela Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah sama ada terdapat sesiapa pada mesyuarat itu mencadangkan mana-mana personaliti tertentu untuk didakwa, Rajagopal menjawab “tidak.”

Rajagopal berkata, beliau tidak ingat sama ada Dr Mahathir ada bertanyakan mengapa siasatan tidak berjalan dengan pantas

ketika di bawah pentadbiran Najib.

Katanya, beliau tiada tanggapan bahawa Dr Mahathir tidak berpuas hati dengan siasatan polis ketika itu dan menurut saksi, beliau sudah akan digantikan dengan orang lain jika perdana menteri tidak berpuas hati.

Antara tahun 2015 hingga 2018, Rajagopal menjalankan siasatan berhubung pecah amanah jenayah yang didakwa membatikan Lembaga Pengarah dan pengurusan 1MDB, dan tidak menyiasat Najib.

Perbicaraan 1MDB hanya membabitkan dakwaan salah guna kuasa dan pengubahan wang haram terhadap Najib.